



KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH


16 DISEMBER 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 195 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 237,954 kes. Sebanyak tiga (3) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu masing-masing satu (1) kes di Sandakan, Tambunan dan Ranau. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembah ialah 303 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 229,160 orang. Manakala 947 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 496 orang di hospital, 443 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, enam (6) orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara dan dua (2) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 44 orang merangkumi 41 di ICU/repurposed kritikal care serta tiga (3) di open ward (HDW/kubikel akut) manakala 12 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit stage empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 31 (27.19%).

3

Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dicatatkan.

4

Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning lima (5) daerah.
- Zon Jingga empat (4) daerah.
- Zon Merah 18 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Kedudukan COVID-19 di negeri Sabah meneruskan trend penstabilan dan hari ini jumlah kes harian jatuh di bawah paras 200, penurunan 29 kes berbanding semalam. Jumlah kes terbaru bagi Sabah ialah 195 kes.
- b. Kota Kinabalu mencatatkan kes tertinggi di negeri ini dengan 34 kes, diikuti oleh Tuaran dengan 29 kes, Penampang 18 kes , Ranau 16 kes , Kota Belud 16 kes, Papar 11 kes dan Kuala Penyu 10 kes. Sebanyak 17 daerah lain mencatatkan kes harian satu (1) angka sahaja dan tidak ada kes baharu di tiga (3) daerah, yakni Putatan, Kunak dan Semporna.
- c. Daripada 195 orang pesakit baharu hari ini, seramai 187 orang berada dalam Kategori 1 dan Kategori 2, dua (2) orang dalam Kategori 3, juga dua (2) orang dalam Kategori 4 dan seorang dalam Kategori 5. Kes yang melibatkan tiga (3) pesakit masih dalam penilaian lanjut JKNS.
- d. Dengan mengambil kira kedudukan kes COVID-19 di seluruh negara pada 15 Disember 2021, jangkaan kadar kebolehjangkitan atau R₀/RT bagi Malaysia ialah 0.92, dan bagi negeri Sabah, 0.84.
- e. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (75) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. Perincian Kes COVID-19 Hari Ini

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	11	5.64%
2	Bergejala	92	47.18%
3	Kontak	75	38.46%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	17	8.72%
JUMLAH		195	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (15 Disember 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 15/12/2021	Catatan Kes 16/12/2021	Perbandingan
1	Ranau	11	16	+5
2	Tambunan	1	5	+4
3	Kuala Penyu	7	10	+3
4	Telupid	1	4	+3
5	Tongod	0	3	+3
6	Keningau	3	5	+2
7	Beluran	1	3	+2
8	Tawau	4	5	+1
9	Nabawan	2	3	+1
10	Kalabakan	0	1	+1
11	Penampang	18	18	Mendatar
12	Sipitang	4	4	Mendatar
13	Kunak	0	0	Mendatar
14	Tenom	17	6	-11
15	Beaufort	11	3	-8
16	Sandakan	16	9	-7
17	Putatan	6	0	-6
18	Papar	16	11	-5
19	Kota Belud	19	16	-3
20	Kota Marudu	6	3	-3
21	Kota Kinabalu	36	34	-2
22	Tuaran	31	29	-2
23	Kudat	5	3	-2
24	Lahad Datu	4	2	-2
25	Pitas	2	1	-1
26	Semporna	1	0	-1
27	Kinabatangan	2	1	-1
JUMLAH		224	195	-29

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (02 Disember – 15 Disember)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	1	12	14	0	7	34	644
Tuaran	8	12	8	0	1	29	506
Penampang	0	11	5	0	2	18	288
Kota Belud	0	8	7	0	1	16	283
Ranau	1	5	8	0	2	16	283
Papar	0	1	10	0	0	11	246
Kuala Penyu	0	5	5	0	0	10	110
Sandakan	1	2	6	0	0	9	131
Tenom	0	2	3	0	1	6	143
Tawau	0	3	2	0	0	5	63
Keningau	0	1	4	0	0	5	158
Tambunan	0	2	3	0	0	5	61
Sipitang	0	0	4	0	0	4	49
Telupid	0	3	1	0	0	4	33
Beaufort	0	0	2	0	1	3	172
Kota Marudu	0	1	2	0	0	3	122
Kudat	0	0	3	0	0	3	71
Nabawan	0	3	0	0	0	3	20
Beluran	0	2	0	0	1	3	30
Tongod	0	0	3	0	0	3	19
Lahad Datu	0	0	1	0	1	2	35
Kinabatangan	0	0	1	0	0	1	33
Pitas	0	1	0	0	0	1	58
Kalabakan	0	1	0	0	0	1	7
Putatan	0	0	0	0	0	0	176
Semporna	0	0	0	0	0	0	8
Kunak	0	0	0	0	0	0	5
JUMLAH	11	75	92	0	17	195	3,754

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Kota Kinabalu	Kluster Puncak Ilmu	1
Sandakan	Kluster Jalan Labuk Batu 7	1
Ranau	Kluster Debut Timbua	1
Tuaran	Kluster Jalan Tuaran Bakut	8
	Jumlah	11

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 4,244 unit

- Hospital 1,329 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,725 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 162 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 22.31%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 16 DISEMBER 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	192
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	2
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	1
Jumlah	195

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
Taiwan	1
Switzerland	1
Jumlah	2

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	193
Bukan Malaysia	2
Jumlah	195

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	27
Belum Menerima Vaksin	18
Menerima 1 Dos	0
Lengkap 2 Dos	146
Dos Penggalak	4
Jumlah	195

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	2
1 to 5	14
6 to 11	11
12 to 17	10
18 to 25	35
26 to 59	95
>60	28
Jumlah	195

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 15 Disember 2021 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 3,190 orang. Daripada jumlah ini, seramai 3,012 orang adalah penduduk dewasa dan 178 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 15 Disember 2021 adalah seramai 2,445,568 orang. Ini meliputi 2,110,037 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.49% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,398,390 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,088,466 orang atau 75.71% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 335,531 orang atau 77.31% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 309,924 atau 71.41% orang setakat ini.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Setakat hari ini, sejumlah **679,798** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 8,905 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 47 hebah melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Tiada kompaun melanggar SOP COVID-19 dikeluarkan di seluruh Sabah.
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 75 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 15 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan satu (1) tangkapan dibuat di bawah Akta Imigresen 1959/63.

Laporan Pihak Berkuasa Tempatan

- i Sebanyak 1,064 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Sebanyak satu (1) kompaun dikeluarkan oleh PBT iaitu di daerah Penampang atas kesalahan individu gagal mendaftarkan diri menggunakan aplikasi MySejahtera atau mencatat nama dan nombor telefon dalam buku pendaftaran. Sebanyak dua (2) notis/amaran dikeluarkan oleh PBT iaitu di daerah Tawau..
 - ii DBKK telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 325 premis perniagaan dan 508 individu di 18 kawasan. Satu (1) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di Peppermint Vietnamese Restaurant, Asia City. Satu (1) kompaun dikenakan ke atas premis dengan kesalahan pemilik premis membenarkan individu masuk ke premis tanpa mengimbas MySejahtera di Peppermint Vietnamese Restaurant, Asia City.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 291 Premis Perniagaan melibatkan 159 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 111 anggota di 222 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di dua (2) premis, melibatkan satu (1) buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 22 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di tiga (3) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 143 hebahan di seluruh Sabah.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.7%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kota Kinabalu	98.8%
2	Sandakan	98.8%
3	Penampang	98.8%
4	Tuaran	98.8%
5	Semporna	98.7%
6	Sipitang	98.7%
7	Kinabatangan	98.7%
8	Kota Marudu	98.7%
9	Beaufort	98.7%
10	Tenom	98.7%
11	Tawau	98.7%
12	Lahad Datu	98.7%
13	Papar	98.7%
14	Beluran	98.7%
15	Ranau	98.6%
16	Kota Belud	98.6%
17	Kudat	98.6%
18	Kunak	98.6%
19	Keningau	98.6%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**